

09 NOV 1998

Mahkamah-Anwar (Hari Keenam)

PERBICARAAN HARI KEENAM KES ANWAR BERMULA

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap empat tuduhan rasuah di Mahkamah Tinggi di sini masuk hari keenam hari ini.

Dalam perbicaraan yang disambung semula pagi ini setelah rehat hujung minggu, saksi pertama pihak pendakwa, Pengarah Cawangan Khas Polis Datuk Mohd Said Awang dijadual menyambung semula keterangannya dalam sesi soal balas.

Mohd Said, yang telah memberi keterangan sejak hari kedua perbicaraan kes itu yang bermula Isnin lepas, hari ini dijangka disoal balas mengenai satu laporan penyiasatan yang telah dikemukakan kepada mahkamah Jumaat lepas.

Laporan tiga muka surat bertarikh 20 Ogos 1997 itu dikemukakan kepada mahkamah oleh Timbalan Kanan Pedakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail.

Ia merupakan laporan yang telah diserahkan oleh Mohd Said kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, laporan itu, yang dianggap "sangat penting" oleh pihak pembela, tidak mengandungi nama-nama personaliti yang didakwa berkomplot untuk menjatuhkan Anwar seperti yang disarankan oleh salah seorang peguam bela Anwar, Christopher Fernando.

Dalam perbicaraan pada hari Jumaat, Fernando juga telah memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan satu lagi laporan bertarikh 3 Sept 1997, sama ada ia ditandatangani oleh Mohd Said ataupun tidak, kerana peguam bela itu telah diarahkan oleh Anwar bahawa terdapat laporan seumpama itu.

Mahkamah telah membenarkan permohonan itu.

Anwar yang menghadapi empat tuduhan rasuah mengikut Ordinan No.22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970, kini ditahan reman di Penjara Sungai Buloh.

Dia tiba di mahkamah pada pukul 8.36 pagi ini, enam minit selepas isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan anaknya Nurul Nuha tiba. Wan Azizah telah menghadiri perbicaraan setiap hari sejak bermula.

Mohd Said pula tiba pada pukul 8.31 pagi, hampir bersamaan waktu dengan ketibaan Hakim Datuk S. Augustine Paul manakala kesemua anggota pendakwa tiba bersama pada pukul 8.35 pagi.

Mahkamah Tinggi mula bersidang pada pukul 9.25 pagi.

Menurut Ketua Polis Mahkamah, DSP Tan Kok Liang, kehadiran tertinggi setakat ini dicatatkan pada hari ini dengan jumlah yang mengisi ruang mahkamah seramai 108 orang.

Jumlah itu termasuk 33 orang wartawan, orang awam (25 orang), anggota keluarga Anwar (20 orang), peguam (sembilan orang), pihak pendakwa (enam orang), anggota polis yang bertugas dalam mahkamah (10 orang), jurubahasa (tiga orang), juruteknik sistem pembesar suara seorang dan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Di luar mahkamah pula, sehingga pukul 9.30 pagi masih kelihatan orang awam yang beratur menunggu giliran untuk menyaksikan perbicaraan itu dengan harapan mendapat kesempatan menggantikan mereka yang keluar.

Polis terus mengadakan kawalan keselamatan tetapi jumlah anggota kurang berbanding dengan perbicaraan pada minggu yang lepas. Keadaan di persekitaran mahkamah yang terletak di bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja juga tenteram.

Sementara itu, beberapa pemerhati asing yang mengikut perbicaraan itu minggu lepas telah digantikan oleh rakan-rakan mereka.

Perbicaraan itu terus menarik perhatian orang asing termasuk daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan ada di antara mereka yang beratur di luar pintu mahkamah sejak pukul 6.30 pagi ini dalam usaha menjamin mereka memperolehi tempat duduk dalam ruang mahkamah yang terhad.

-- BERNAMA

TM RHM